

Masyarakat Multikulturalisme Malaysia: Semasa dan Masa Depan

Samsudin Suhaili

Universiti Pendidikan Sultan Idris

PENGENALAN

Konsep multikulturalisme pada awalnya telah muncul dan berkembang pesat di dunia Barat khususnya di Kanada, Amerika Syarikat dan Australia. Dalam proses dunia menghadapi globalisasi, konsep multikulturalisme menjadi tumpuan dalam membincangkan hubungan antara manusia. Hubungan tersebut merangkumi aspek kepelbagaian ekonomi, politik dan sosial yang berlaku dalam kalangan ahli sesebuah masyarakat, khususnya masyarakat majmuk. Dengan itu, multikulturalisme mempunyai peranan penting dalam proses pembudayaan yang menekankan suatu ukuran nilai bagi menghadapi fahaman ethnosentrik dan perkauman antara ahli masyarakat dewasa ini. Oleh sebab sikap toleransi dan saling memahami yang mendasari konsep multikulturalisme menjadi pegangan ahli masyarakat, fenomena kepelbagaian dan perbezaan agama, bahasa dan budaya tidak sepatutnya menjadi faktor untuk mencetuskan permusuhan dan konflik (Jay, 2002: 2-3). Sebaliknya menurut Wirth (1938), atas persamaan hasrat, kepentingan kebendaan dan kontraktual, masyarakat heterogen di bandar akan terus terikat dan bergantung antara satu sama lain sehingga membentuk sentimen komunal. Sementara itu, kemunculan elemen hegemoni atau superior antara budaya yang berada dalam lingkungan masa dan ruang yang sama boleh dibendung bagi mengelakkan konflik yang lebih rumit seperti di Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan Rwanda (Alo Liliweri, 2003: 96-97). Sehubungan itu, dalam membincangkan perancangan dan pelaksanaan dasar pendidikan di negara ini pendekatan yang harus dibangunkan ialah pendekatan budaya, iaitu menjadikan trait-trait budaya yang pelbagai sebagai dasarnya.

Multikultural dan Multikulturalisme

Sungguhpun multikultural dan multikulturalisme mengungkapkan persoalan yang sama iaitu tentang kepelbagaian budaya dalam masyarakat, namun kedua-duanya membawa pengertian yang berlainan. Multikultural mempunyai pengertian yang amat menyeluruh terutamanya yang berkaitan dengan pembinaan sebuah negara bangsa. Hall (2000: 209) menjelaskan bahawa multikultural sebagai keterangan sifat dan keadaan atau ciri-ciri sosial yang wujud apabila komuniti yang terdiri daripada pelbagai budaya

hidup bersama-sama dengan berkongsi pelbagai sumber, tetapi pada masa yang sama cuba mengekalkan keunikan identiti masing-masing. Menurut Tilaar pula,

...multikultural adalah suatu risiko yang perlu diambil dalam membina masyarakat bangsa... Atas konsep inilah akan diambil keputusan-keputusan yang rasional, demokratis, pengembangan faham liberalisme yang tepat, pengakuan terhadap kebhinnekaan budaya masyarakat dan bangsa (Indonesia), adanya kebebasan beragama dan beribadah sesuai dengan keyakinannya...membangun nasionalisme baru...serta tekad untuk membangun suatu dunia...yang bebas dari kemiskinan serta pengakuan terhadap hak asasi semua manusia (2004: 35).

Multikultural adalah suatu hakikat yang wujud dalam masyarakat sehingga memerlukan setiap ahli masyarakat mengambil langkah untuk saling mengenali dan menyesuaikan diri antara satu sama lain. Langkah ini penting bagi memastikan kehidupan masyarakat dapat diteruskan dari satu generasi ke generasi berikutnya. Bentuk dan ciri multikultural dalam masyarakat akan terus terbina dan kekal pada masa akan datang. Ini adalah berasaskan tiga faktor utama, iaitu landasan hukum alam tabii, pertumbuhan peradaban manusia dan kepesatan dalam proses diaspora komuniti (Gufran Ali Ibrahim 2004: 2).

Kepelbagaian merupakan ciptaan Tuhan secara mutlak. Kepelbagaian dan keanekaragaman, contohnya melalui penciptaan flora dan fauna adalah untuk mencapai keseimbangan untuk meneruskan hidup. Dalam konteks pertumbuhan peradaban manusia dari aspek budaya dan interaksi, perkembangan ketamadunan sesebuah bangsa berlangsung dalam empat fasa iaitu fasa tribalisme, etnisisme, komuniti dan pluralisme. Serentak dengan fasa pertumbuhan tersebut, jaringan dan keperluan dalam interaksi dengan komuniti lain menjadi semakin berkembang. Hasilnya, wujudlah komuniti atau masyarakat yang mempunyai kesedaran mengenai "coexistence" yakni kewujudan bersama, kesetaraan dan semangat untuk maju secara bersama-sama. Dalam komuniti atau masyarakat ini, demokrasi yang mantap boleh dibina diterima secara meluas walaupun terdapat pengubahsuaian mengikut keperluan masyarakat itu sendiri.

Melalui proses diaspora komuniti merentasi daerah, wilayah dan ke seluruh dunia, sesebuah masyarakat kini bersifat lebih kompleks dalam pelbagai aspek selain aspek demografi. Dengan diaspora komuniti, komuniti luas yang lebih besar atau *overseas communities* telah dibentuk di seluruh dunia khususnya menerusi proses globalisasi. Berdasarkan perkembangan dunia global dewasa ini, jelas bahawa senario sosiobudaya yang pelbagai akan terus berkembang sehingga pluralisme menjadi fenomena penting pada masa hadapan. Justeru, bagi meneruskan kesinambungan dalam perkembangan peradaban pada masa hadapan, masyarakat dunia moden pada hari ini perlu menerima dan berhadapan dengan fenomena multikultural (Gufran Ali Ibrahim, 2004: 6-7).

Sementara itu, multikulturalisme pula bermaksud suatu strategi dan dasar yang yang bukan sahaja diterima secara konseptual malah digunakan oleh masyarakat untuk menghadapi fenomena multikultural yakni keadaan atau ciri-ciri sosial yang pelbagai dan plural. Multikulturalisme adalah berbeza dengan prinsip *melting pot* dan asimilasi kerana *melting pot* dan asimilasi secara tidak langsung memberikan penekanan dan pemaksaan kepada percampuran ciri-ciri budaya yang pelbagai untuk dibentuk menjadi satu identiti masyarakat yang benar-benar baharu sebagaimana dikehendaki oleh pihak yang dominan atau pemerintah (Tilaar, 2004: 179).

Sebaliknya, multikulturalisme sebenarnya membawakan konsep yang mementingkan dan mengekalkan ciri-ciri budaya asal agar boleh difahami dan diterima oleh orang lain. Tambahan pula, ciri kepelbagaian budaya dalam tamadun manusia akan sentiasa wujud dan kekal. Justeru, kepelbagaian ini seharusnya dapat diterima sepanjang masa oleh masyarakat yang pelbagai. Melalui budaya, sesebuah masyarakat berupaya menonjolkan identitinya yang tersendiri yang membezakannya dengan masyarakat lain. Oleh itu, setiap masyarakat akan berusaha sepanjang masa mengekalkan tradisi yang diwarisinya. Sungguhpun berlaku perubahan pada budaya dan diri ahli masyarakat selaras dengan keperluan dan tuntutan semasa, masyarakat secara komunal akan berusaha mengawal seterusnya mengekalkan tradisi sebagai menyatakan identiti masing-masing. Setiap anggota masyarakat akan berusaha menentukan bahawa mereka berbeza daripada kelompok etnik lain (Wan Kadir Wan Yusof, 1993: 122-123).

Walaupun undang-undang atau peraturan yang dirangka boleh dijadikan landasan bagi membangunkan rasa toleransi dan kebersamaan, namun aspek yang lebih penting adalah penerapan secara natural dalam diri dan jiwa setiap ahli masyarakat yang pluralistik. Dengan adanya *mutual respect* terhadap hak-hak dan kebudayaan orang lain, setiap individu perlu diakui dan dijaga akan keunikan identiti rasnya agar tidak berlaku pendominasian atau penafian yang boleh membawa prasangka dan keadaan anarki. Ringkasnya, multikulturalisme yang mementingkan pengakuan ke atas hak, nilai budaya, di samping sikap saling memahami dan toleransi bagi menjamin kemerdekaan individu, masyarakat dan negara.

Multikulturalisme di Malaysia

Multikulturalisme adalah salah satu trend kehidupan manusia global dan Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum, etnik dan ras juga tidak terkecuali dalam hal ini. Dalam tempoh antara tahun 1991 hingga 2000 didapati populasi dalam kalangan orang Melayu meningkat daripada 8,521,900 orang kepada 11,680,400 orang. Pertambahan ini adalah sebanyak 3,158,500 atau 37.1 peratus dalam tempoh sembilan tahun. Peningkatan yang lebih besar berlaku dalam populasi Bumiputera lain iaitu sebanyak 44.4 peratus daripada 1,778,000 orang pada 1991 menjadikannya kepada 2,567,800 orang pada 2000. Bagi kaum Cina dan India pula pertambahan adalah kecil iaitu masing-masing kurang daripada 30 peratus. Sehingga suku kedua tahun 2006, sejumlah 24.8 juta penduduk Malaysia adalah warganegara yang terdiri daripada Bumiputera Melayu (13.5 juta), Bumiputera Lain (2.9 juta), Cina (6.2 juta), India (2.0 juta) dan Lain-lain (319,000 orang). Pada umumnya, latar belakang dan perubahan dalam komposisi penduduk di negara ini telah memberikan kesan langsung dalam perkembangan aspek sosial, politik dan ekonomi negara pada masa hadapan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2006 dan Saw Swee-Hock, 2006: 14).

Malaysia turut memperluaskan lagi lingkungan interaksi sehingga menjadi lebih heterogen dengan mempertingkatkan hubungannya dengan dunia luar. Kehidupan masyarakat dan bangsa yang pelbagai sedikit sebanyak telah menyukarkan Malaysia untuk melahirkan suatu rupa masyarakat yang sama tradisi budayanya. Malah dikatakan mustahil untuk dibina suatu kelompok masyarakat yang mempunyai identiti yang sama, iaitu budaya Malaysia. Namun demikian, dalam mengemukakan identiti nasional, tradisi penduduk asal negara ini telah diterima sebagai budaya nasional

(Wan Kadir Wan Yusoff, 1994). Oleh itu, dengan ciri-ciri perbezaan yang ada, setiap anggota masyarakat majmuk di negara ini perlu bertekad untuk membangun secara bersama dan bersatu.

Matlamat perpaduan dan dengan adanya penerimaan terhadap konsep multikulturalisme dalam kehidupan bermasyarakat, pembinaan masyarakat madani akan lebih terarah dan mampu untuk direalisasikan. Masyarakat yang terbina juga bukan sahaja boleh menghormati kebersamaan antara ahlinya malah mampu melihat setiap perbezaan sebagai peluang untuk meraih kemajuan yang lebih tinggi. Apabila setiap potensi dan kekuatan setiap ahli masyarakat dapat disatukan, kemakmuran yang menjadi cita-cita seluruh individu akan tercapai. Akhirnya wujudlah masyarakat demokrasi yang mampu mencari penyelesaian dalam menghadapi perbezaan dan menjadikannya sebagai pendorong untuk mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat. Oleh sebab proses pendidikan merupakan proses pembudayaan, maka masyarakat yang multikultural dapat dipadukan menerusi proses pendidikan. Penerapan multikulturalisme dalam pendidikan adalah sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan dengan memberi penekanan terhadap prinsip saling memahami dan menghormati antara kaum, etnik dan subbudaya.

Sehingga hari ini, prinsip dan amalan multikulturalisme semakin banyak diperdebatkan dan telah diterapkan dalam sistem dan amalan pendidikan. Dalam hal ini, bilik darjah merupakan ruang fizikal yang paling sesuai untuk diterapkan kefahaman mengenai asal-usul, sejarah dan hala tuju negara kepada generasi muda. Dengan adanya bahasa kebangsaan sebagai bahasa penyatu dan pembina identiti negara bangsa Malaysia, maka ciri dan latar belakang pelajar yang berbeza tidak seharusnya diketepikan begitu sahaja. Perkembangan dalam sistem pendidikan nasional sebenarnya menyalurkan nilai-nilai sosial yang bersesuaian bagi mencapai perpaduan yang erat antara berbagai-bagai kelompok etnik di negara ini. Dalam hubungan ini, boleh dikatakan bahawa penerapan prinsip multikulturalisme di Malaysia bermula sejak Laporan Barnes (1951) dan Laporan Fen-Wu (1951) yang masing-masing mengesyorkan agar,

...matlamat pendidikan dasar hendaklah membentuk satu rupa bangsa yang berasaskan pelbagai kaum,

dan

...dasar pendidikan Malaya hendaklah ditujukan kepada matlamat membina warganegara Malaya... menyediakan kanak-kanak untuk menempuh segala bidang kehidupan berdasarkan latar belakang kehidupan masyarakat Malaya (Federation of Malaya: 1951)

Sementara itu, dalam Ordinan Pendidikan 1952 dinyatakan bahawa,

...matlamat pendidikan akan tercapai melalui pembentukan sekolah berbagai-bagai kaum yang bercorak kebangsaan...dengan berorientasikan kehidupan di Malaya untuk kanak-kanak semua kaum...dengan bahasa pengantar adalah bahasa rasmi, iaitu bahasa Melayu dan Inggeris...di samping bahasa ibunda di sekolah vernakular Cina dan Tamil.

Penegasan terhadap kepelbagaian budaya di Tanah Melayu pada ketika itu telah menjadi batu loncatan kepada reformasi pendidikan kebangsaan yang dibuat oleh Jawatankuasa Pendidikan pada tahun 1955 melalui Laporan Razak 1956. Dalam Laporan 1956 ini dinyatakan dengan jelas bahawa,

...tujuan dasar pendidikan dalam negara ini adalah untuk menyatukan budak-budak daripada semua bangsa dalam negara ini dengan menggunakan satu peraturan pendidikan yang meliputi semua bangsa dengan menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama dengan cara beransur-ansur.

Laporan ini secara tegas mencadangkan pembentukan sebuah sistem pendidikan kebangsaan pada masa hadapan yang boleh diterima oleh segenap rakyat dalam Persekutuan. Adalah diharapkan dengan menggalakkan pembangunan budaya, sosial, ekonomi dan politik setiap rakyat, perpaduan kaum yang mantap akan dapat dicapai di negara ini. Bahasa Melayu perlu dijadikan sebagai bahasa kebangsaan Persekutuan, manakala bahasa dan budaya kaum-kaum lain dalam masyarakat Persekutuan Malaya tidak dipinggirkan sebaliknya diberi galakan untuk terus berkembang (Federation of Malaya, 1956:1). Berdasarkan perkembangan ini, bibit penerimaan prinsip multikulturalisme dalam sistem pendidikan negara ternyata lebih terarah kepada pembinaan warganegara yang taat setia, berjiwa Malaysia dan bersatu padu.

Hasil daripada Laporan Rahman Talib, Dasar Pendidikan Kebangsaan telah dibentuk dan kemudiannya mengemukakan Akta Pendidikan 1961. Dalam Akta ini dinyatakan dengan jelas prinsip yang berkaitan dengan multikulturalisme khususnya menerusi Perkara (v), iaitu :

... sistem pendidikan itu menepati prinsip bahawa kanak-kanak dididik sejajar dengan kehendak ibu bapa mereka yang berbilang kaum, agama dan budaya...atas dasar demokrasi pendidikan dan pengekalan budaya etnik masing-masing kaum yang ada dalam masyarakat majmuk di negara ini.

Akta Pendidikan 1961 sememangnya memberikan tempat kepada pendidikan kebudayaan bagi memenuhi keperluan negara. Melalui mata pelajaran Tatarakyat yang kemudiannya ditukarkan kepada Sivik, pelajar dapat mempelajari sedikit sebanyak unsur-unsur kebudayaan yang berkaitan dengan bahasa Melayu, raja-raja Melayu dan istiadatnya, di samping kehidupan sosial masyarakat tempatan yang lain (Adnan Kamis, 1993: 254).

Pada keseluruhannya dapat dibuat satu kesimpulan awal bahawa prinsip multikulturalisme telah diperakui dalam sistem pendidikan di Malaysia. Pelbagai peringkat pendidikan baik peringkat sekolah rendah, menengah mahupun pengajian tinggi, ternyata aspek dan keperluan budaya, ekonomi, agama, sosial, politik, kaum dan etnik yang rencam dalam masyarakat majmuk Malaysia diambil kira untuk diterapkan dalam diri pelajar. Kepelbagaian ini seharusnya diurus dengan baik kerana konflik yang berlakunya pada 13 Mei 1969 boleh berulang kembali ekoran sifat masyarakat yang heterogen. Dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), penerapan Rukun Negara ke dalam sistem pendidikan di sekolah, dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK), amalan dan fahaman multikulturalisme di negara ini kian diperkukuhkan

dengan beberapa ketetapan. Sebagai contoh, walaupun DKK memberikan keutamaan kepada unsur-unsur budaya rakyat setempat dan ajaran Islam, namun kepelbagaian budaya lain turut diberi perhatian dan diterima dengan terbuka. Perlu diambil perhatian bahawa dasar ini turut menegaskan ciri dan amalan kaum lain akan diterima sebagai elemen budaya kebangsaan selagi tidak bercanggah dengan ciri adat setempat dan ajaran Islam. Seterusnya, pengenalan kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada 1983 dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada 1989 yang diikuti dengan Wawasan 2020 meletakkan Malaysia pada kedudukan menjadi negara maju dengan aspek dan prinsip perpaduan dalam kemajmukan kaum tetap menjadi isu utama.

Keperluan Terhadap Pendidikan Multikultural

Kajian mengenai prinsip dan amalan multikulturalisme dalam pendidikan di Malaysia secara meluas masih belum dilaksanakan. Namun begitu, dengan mengambil kira kepentingan kenegaraan dan politik yang diketengahkan dalam multikulturalisme, prinsip dan amalan ini boleh digunakan untuk membentuk jati diri sesebuah masyarakat berdasarkan identiti penduduk setempat. Keperluan terhadap pendidikan multikultural menjadi lebih ketara kepada negara yang berjaya mencapai kemerdekaan setelah dibelenggu oleh kuasa imperialis. Oleh sebab bidang pendidikan merupakan penentu kepada kewujudan masa depan sesebuah negara, justeru adalah wajar prinsip ini diterjemahkan ke dalam sistem pendidikan nasional. Ini adalah kerana pada dasarnya sistem pendidikan merupakan strategi pengisian tuntutan asas manusia bermasyarakat, walaupun falsafahnya berbeza-beza mengikut faktor yang bertindak dan membentuknya. Di negara ini, faktor sejarah dan politik berperanan penting pada tahap awal pembinaan negara bangsa Malaysia.

Namun begitu, setelah matlamat ekonomi dan prestij pada peringkat global menjadi agenda utama, aspek kenegaraan dan kemasyarakatan telah mula kurang diberikan penekanan. Akibatnya, timbul persoalan sama ada pembinaan negara bangsa dari segi kenegaraan dan kemasyarakatan telah dicapai sepenuhnya atau masih di takuk lama. Sekiranya telah dicapai, perlu diteliti pula tahap keutuhan dan kemantapan pencapaiannya.

Masalah integrasi nasional dalam kalangan negara membangun khususnya di Asia dan Afrika yang dahulunya bekas tanah jajahan Barat, merupakan masalah yang besar selepas negara tersebut mencapai kemerdekaan dalam tahun 1950-an dan 1960-an. Kebanyakan negara berkenaan bukan sahaja gagal menyatupadukan pelbagai aliran politik malah tidak berupaya menyelesaikan masalah etnik, bahasa, agama, dan taraf sosioekonomi akibat daripada dasar pecah dan perintah, ekonomi dualisme serta perbezaan kaum peribumi dan pendatang. Malaysia sebagai sebuah negara bekas jajahan Britis juga mengalami masalah yang hampir serupa walaupun konflik etnik, agama dan politik tidak seburuk negara berkenaan. Masalah perpaduan nasional tetap wujud dan memerlukan suatu pendekatan yang rasional dan diterima umum bagi mengekalkan keharmonian, kemakmuran dan kestabilan negara (Adnan Kamis, 1993: 268). Berdasarkan peristiwa dan perkembangan terkini yang berlaku di negara ini, membayangkan bahawa matlamat tersebut belum tercapai kerana prinsip-prinsip negara bangsa Malaysia seperti yang direncanakan menerusi dasar

pendidikan masih lagi belum terserap ke dalam jiwa warga mudanya. Sungguhpun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa melalui sistem dan falsafah pendidikan hasrat menjadikan generasi muda ke arah perpaduan sejati akhirnya dapat direalisasikan. Ini ditambah pula dengan pelaksanaan dasar-dasar awam dan penguatkuasaan undang-undang mahupun peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menerusi pendidikan, manusia yang dididik mempunyai tabiinya, iaitu sentiasa tumbuh dan membesar. Pertumbuhan ini berlangsung dalam alam sekeliling yang tertentu dengan mempunyai perbezaan dari segi lokasi, masa dan situasi. Dalam interaksi dengan persekitaran inilah kanak-kanak mempelajari sesuatu tingkah laku dengan meniru perlakuan daripada lingkungannya. Sebagai hasilnya individu tersebut mampu pula membentuk corak kelakuan dan budaya hidup yang kompleks pada masa hadapan. Apabila berhadapan dengan pertentangan antara tuntutan persekitaran dengan kehendak individu, proses belajar akan membantu individu tersebut membina dan mempertingkatkan kecerdasan demi kebaikan diri dan masyarakatnya.

Jelas bahawa pendidikan merupakan salah satu agen pewarisan budaya dalam sesebuah masyarakat. Menerusi peranan ini, pendidikan telah menyampaikan pelbagai ilmu dan menanamkan pelbagai nilai dan kemahiran hidup seperti yang terkandung dalam kurikulum pendidikan. Dalam sejarah umat manusia sebelum zaman moden, semua corak pendidikan yang diamalkan merupakan pendidikan budaya. Pendidikan dilihat sebagai satu-satunya agen dan proses yang menyambung dan mengekalkan pewarisan budaya, di samping menggalakkan pengembangan ilmu yang boleh menggiatkan lagi daya cipta bagi memperkayakan budaya bangsa berkenaan (Asiah Abu Samah, 1985:114). Amalan-amalan budaya dalam pendidikan pada tahap ini bukan sahaja dari segi perkembangan dalam budaya sendiri bahkan juga hasil penyerapan unsur-unsur budaya asing. Dalam konteks sejarah budaya Melayu, penyerapan unsur budaya asing telah melibatkan penyerapan unsur budaya Hindu dan Islam seterusnya diikuti unsur budaya Eropah. Unsur-unsur budaya asing ini bukan sahaja telah meninggalkan kesan perubahan dalam pemikiran masyarakat Melayu, malah telah turut mempengaruhi kurikulum yang terdapat dalam pendidikan pada masa sekarang (Asiah Abu Samah, 1985: 116-118). Selain itu, unsur-unsur budaya sukuan, budaya asing dan unsur-unsur sarwajagat turut mencorakkan suasana budaya setempat serta dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan untuk dipelihara dan dibenarkan oleh Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Berdasarkan pendidikan yang lalu, pendidikan kebudayaan khasnya kebudayaan kebangsaan ternyata amat kabur dan tidak dibuat dengan cara yang cukup teliti. Bukan sahaja aspek budaya dan kepelbagaianya tidak dinyatakan dengan jelas malah, tiada garis panduan khusus yang diberikan dalam menentukan hala tuju budaya dalam pendidikan. Sebaliknya pendidikan tersebut telah dilaksanakan sebagai suatu aktiviti yang tidak formal semata-mata atas inisiatif dan ikhtiar agen-agen pendidikan di sekolah (Adnan Kamis, 1993: 125). Sehubungan itu, penerimaan dan penggunaan prinsip multikulturalisme dalam proses pendidikan di sekolah pada hari ini ternyata amat diperlukan. Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang menekankan pembinaan negara bangsa Malaysia, maka pola dan tahap interaksi sosial serta kefahaman budaya antara pelajar sekolah perlu diteliti dan diperkembangkan. Pada masa yang sama, fungsi guru dan bahan pengajaran yang digunakan dalam memberikan pendedahan mengenai prinsip multikulturalisme juga perlu diberikan perhatian sewajarnya. Bagi

merealisasikan FPK, perincian harus dibuat terhadap tiga isu utama, iaitu: penerapan amalan silang budaya dalam sistem pendidikan negara khususnya dalam proses P&P dan persekitaran bilik darjah. Kedua-dua aspek berkenaan perlu dirancang dengan teliti kerana guru perlu menentukan bentuk sosiobudaya yang hendak diterapkan melalui bahan-bahan pengajaran yang digunakan. Proses perancangan ini akan melibatkan perkara seperti mengenal pasti latar belakang diri, keperluan, pengetahuan pelajar serta kemahiran yang hendak disampaikan. Seterusnya, guru perlu menentukan objektif pengajaran, isi pelajaran, bahan pengajaran, tajuk, aktiviti dan alat bantu mengajar yang sesuai (Mohd. Jonit Mohd. Johari & Abdul Rashid Ali, 1993: 111).

Keberkesanan kurikulum yang sedia ada dalam meningkatkan tahap pemahaman pelajar sekolah terhadap ciri-ciri dan amalan budaya yang pelbagai di negara ini demi mencapai perpaduan yang lebih jitu. Guru-guru harus menggunakan kebijaksanaan dalam menjayakan kurikulum agar tidak memaksa atau mempengaruhi cara berfikir seseorang dalam pengajaran kerana nilai serta kepercayaan masyarakat akan berkembang, berubah mengikut masa, tempat, dan pendidikan. Perlu disedari bahawa dalam situasi masyarakat majmuk, budaya yang dimiliki juga adalah majmuk. Justeru, bahan pengajaran termasuk buku-buku teks perlu lebih berupaya menonjolkan dengan tepat pola budaya yang heterogen di negara ini. Keupayaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menghadapi kehidupan keheterogenan masyarakat dan pelajar di negara ini. Dengan memperkasakan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat majmuk, kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan kebudayaan kebangsaan akan dapat diterapkan dalam sistem, falsafah dan kurikulum pendidikan nasional.

Selain itu, penelitian terhadap perkembangan dan fenomena sosial di sekolah amat penting bagi menentukan hala tuju dan perancangan dasar yang lebih praktikal dalam sistem pendidikan nasional. Kemasukan nilai dan budaya yang pelbagai dari luar lingkungan masyarakat majmuk pada hari ini menjadikan kesedaran dan fahaman terhadap kepelbagaian budaya ini lebih penting. Tanpa kesefahaman dan toleransi, generasi muda akan menjadi terasing dan terpinggir dalam kepelbagaian nilai dan budaya tersebut. Sebaliknya, dengan adanya sikap saling faham dan celik budaya, sebuah masyarakat majmuk yang bersatu dan saling menghormati boleh dibentuk. Pada masa yang sama, pemahaman umum terhadap kefahaman dan penerimaan pelbagai ciri budaya asing di negara ini akan dapat ditingkatkan dan menjadi lebih signifikan. Ini amat sesuai dalam konteks kedudukan negara ini yang mempunyai suku kaum dan latar belakang budaya yang rencam.

Jangkaan dan Cadangan

Menerusi pendidikan multikultural, ciri-ciri seperti kesediaan, kefahaman, tindak balas dan penerimaan pelajar terhadap budaya etnik lain yang ada di negara ini akan disemai demi mencapai sebuah negara yang lebih harmoni pada masa hadapan. Bagi memastikan rakyat Malaysia menjadi lebih bertolak ansur untuk hidup bersama-sama dalam sebuah negara yang berbilang kaum, rasa kesamaan dan saling memahami amat penting diterapkan. Salah satu instrumen yang paling berkesan adalah melalui pendidikan formal yang melibatkan penggunaan bahan dan kaedah pengajaran yang paling sesuai. Menerusi pendidikan dan penerapan ciri-ciri budaya yang pelbagai, hasrat untuk melahirkan pelajar yang boleh memenuhi aspirasi negara bagi membentuk

masyarakat yang bersatu padu pada masa akan datang boleh menjadi kenyataan. Dengan kata lain, parameter yang diperlukan pada masa akan datang adalah dari sudut perubahan dalam sistem pendidikan khususnya penerapan unsur-unsur budaya yang pelbagai dalam pemikiran generasi muda. Unsur ini akan memberi nilai tambah kepada sistem pendidikan dan seterusnya menjadikan proses pendidikan menjadi lebih bermakna. Malah, objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan juga akan menjadi lebih jelas baik kepada pengamal atau penerimanya.

Dalam usaha untuk melaksanakan pendidikan multikultural, beberapa aspek dasar perlu diteliti dan diberikan perhatian sewajarnya. Antaranya keupayaan guru memilih strategi dan bahan pengajaran yang terbaik untuk meningkatkan penerimaan terhadap pelbagai ciri budaya dalam kalangan pelajar. Dalam proses P&P ini, aspek bahasa yang meliputi diksi, ayat sehinggalah wacana yang digunakan oleh guru dan murid ketika berkomunikasi seharusnya menepati perspektif, amalan dan konsep multikulturalisme. Satu bentuk keperluan lain yang harus dipertimbangkan adalah, penilaian semula secara kritis terhadap falsafah, sistem dan amalan pendidikan di negara ini khususnya dari sudut pembinaan negara bangsa. Dengan langkah ini, falsafah dan sistem yang sedia ada akan sentiasa berada dalam kedudukan yang dapat mampu memenuhi keperluan semasa masyarakat majmuk di Malaysia. Justeru itu, kajian dan penyusunan semula kurikulum dan kokurikulum serta penggunaan buku teks harus dibuat secara berterusan dari semasa ke semasa bagi mengemas kini maklumat dan data berkaitan pendidikan budaya di sekolah. Dalam konteks tersebut, aktiviti kokurikulum yang bersifat memupuk kesefahaman antara etnik, budaya dan nilai kebangsaan hendaklah diberi keutamaan. Dalam masa yang sama, kerjasama antara sekolah, guru dan pelajar dalam daerah yang sama hendaklah dipertingkatkan sama ada dalam bentuk kurikulum mahupun kegiatan kokurikulum (Adnan Kamis, 1993: 268-270).

Menyedari kelemahan yang wujud, maka pendidikan kebudayaan, khususnya yang berkaitan dengan kebudayaan kebangsaan dan multikultural sepatutnya diberi perhatian dan diketengahkan dalam pelbagai peringkat pendidikan di negara ini. Cadangan yang pernah dikemukakan sebelum ini boleh dipertimbangkan semula, iaitu membentuk jawatankuasa antara kementerian dan menilai kembali program latihan guru. Dengan adanya komunikasi, kesefahaman dan kerjasama erat antara kementerian, program-program kebudayaan yang dirancang bukan sahaja dapat dilaksanakan dengan lancar malah boleh memberikan hasil yang lebih berkesan. Sementara itu, latihan guru seharusnya lebih mampu untuk melahirkan kalangan guru yang bukan sahaja berbakat dalam pengajaran akademik tetapi juga berbakat dalam pendidikan kebudayaan di sekolah. Guru yang dilahirkan juga seharusnya mempunyai kemahiran tinggi dalam mendedahkan pelajar secara sistematik mengenai kebudayaan sama ada kebudayaan kebangsaan, kebudayaan suku kaum atau kebudayaan antarabangsa. Dengan langkah ini pelajar akan lebih memahami ciri-ciri budaya dan aspek silang budaya untuk sebelum boleh memenuhi keperluan diri, masyarakat dan negara.

Penutup

Multikulturalisme bukanlah suatu fahaman yang begitu asing dalam interaksi sosial manusia khususnya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Dengan wujudnya gelombang globalisasi dan dunia tanpa sempadan, prinsip kebersamaan, saling menghormati dan toleransi perlu diperkemas semula dengan perspektif yang lebih

menyeluruh. Dengan menerapkan multikulturalisme ke dalam sistem pendidikan, hasrat untuk memperkukuh Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan boleh dicapai. Di samping itu, kurikulum yang telah direncana dan diamalkan sebelum ini juga dapat diuji dan dinilai semula keupayaannya bagi melahirkan generasi muda yang berperwatakan negara bangsa Malaysia.

Bibliografi

- Abd Rahim Abd Rashid (ed.), (2003). *Falsafah Budaya Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adnan Kamis (ed.), (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan Kamis, (1993). Pendidikan Kebudayaan dan KBSM. dlm. Adnan Kamis (ed.). (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah : Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adnan Kamis, (1993). Pendidikan Kebudayaan: Suatu Tinjauan Semula. dlm. Adnan Kamis (ed.), (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akta Pelajaran 1961. 1987. Kuala Lumpur: International Law Book Service.
- Asiah Abu Samah, (1985). *Pendidikan Budaya, Suatu Kemungkinan* dlm. Wan Abdul Kadir Wan Yusoff dan Zainal Abidin Borhan (pnytg.) *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. (1985). Kuala Lumpur: Siri Penerbitan Jabatan Pengajian Melayu Bil. 2.
- Banks, James & Banks, Cherry, (eds.), (2004). *Handbook of Research on Multicultural Education (Second Edition)*. San Francisco: Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Federation of Malaya (1956), Report of Education Committee 1956. Kuala Lumpur: Government Printer.
- Gufran Ali Ibrahim, (2004). *Mengelola Pluralisme*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- H.A.R Tilaar, (2004). *Multiculturalisme: Tantangan-tantangan Global Masa Depan dalam Transformasi Pendidikan Nasional*. Jakarta: Lembaga Manajemen Universitas Negeri Jakarta.
- Hall, S, (2000). *Conclusion: The Multicultural Question*. In B. Heese (ed.) *Unsettled Multiculturalism*. London: Zed Books.
- Jay, Gregory, (2002). *What is Multiculturalism?* Milwaukee: University of Wisconsin.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran. 1979. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mohd. Jonit Mohd. Johari & Abdul Rashid Ali. (1993) Unsur Sosiobudaya dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu. dlm. Adnan Khamis (ed.). (1993). *Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Pandangan dan Maklum Balas*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Taib Osman, (1988). *Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, (1986). Ke Arah Perkembangan Pendidikan Kebangsaan Menjelang Tahun 2000: Pandangan dari Sudut Bahasa. Seminar Mengenai Akta dan Dasar Pelajaran Kebangsaan. (1-2 November 1986: Bangi).
- Nik Safiah Karim, (1995). Dasar Pendidikan dalam Konteks Pembangunan Negara. dlm. Seminar Dasar Pendidikan Negara Menjelang Abad Ke-21: Cabaran dan Masa Depan. (23 Januari 1995: Johor Bahru).
- Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956, Kuala Lumpur: Percetakan Kerajaan.

Robiah S
Jurnal
Robiah S
Fajar
Rozita Ibr
Vol. 8
Saw Swe
Saw
Sing
Sufean H
Lump
Wan Abd
Buda
Lump
Wan Ab
Kebe

- Robiah Sidin et al., (1994). The Process of National Integration In The Educational Setting. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, Jld. 12. 1992/93, USM, Pulau Pinang.
- Robiah Sidin, (1994). *Pendidikan di Malaysia, Cabaran untuk Masa Depan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Rozita Ibrahim, (2007) Multiculturalism and Education in Malaysia in *Cultural and Religion*, Vol. 8, No.2, July 2007. Routledge, Tylor and Francis Group.
- Saw Swee-Hock (2006:1-24). Population Trends and Patterns in Multiracial Malaysia. dlm. Saw Swee-Hock and K.Kesavapany (ed.). (2006). *Malaysia Recent Trends and Challenges*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies (SEAS).
- Sufean Hussin, (2002). *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia: Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff, (1993). Pertumbuhan Budaya Bandaran: Dilema yang Dihadapi Budaya Melayu Tradisi dlm. Nik Safiah Karim (ed.). (1993), *Tinta Kenangan*. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Wan Abdul Kadir Yusoff dan Zainal Abidin Borhan, (1985). *Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya.